


Helo Kampus



kampus@utusan.com.my



DR. MUSA AHMAD (dua dari kanan) menyerahkan lakaran lukisan model rumah USIM kepada George Fischer sambil diperhatikan Hasan Malek (tengah).



GEORGE FISCHER (kiri) menerangkan kepada Hasan Malek (dua dari kiri) dan Ahmad Bashah (kanan sekali) mengenai model rumah USIM.

Arkitek USIM berbakti

Bina rumah untuk mangsa banjir berkonsepkan sistem modular menggunakan bahan kitar semula yang mesra alam

MODEL rumah hasil rekaan sekumpulan pelajar program Seni Bina Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi pilihan Tesco Store (Malaysia) Sdn. Bhd. untuk dibina bagi mangsa banjir di Kampung Belian dan Kampung Laut, Tumpat Kelantan.

Rumah ini merupakan hasil rekaan lapan pelajar Seni Bina USIM yang terdiri daripada Wan Mohd. Azly Wan Mohamad, Bibi Nur Bashirah Baharun, Muhammad Izzat Irfan Mustafa, Mohd. Farizal Zulkepli, Nasrin Majidna Ramli, Mohd. Safuan Mohd Fadzil, Mohd. Azry Hadi Abd. Manan dan diketuai oleh Luqman Hakkim Yusof.

Pembinaan kediaman itu merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Projek Shelter Tesco dimana sebanyak lapan unit rumah bernilai RM 55,000 seunit dengan keluasan 740 kaki persegi yang mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan dapur. Dijangka rumah itu siap pada Julai nanti, ia pastinya menjadi hari yang bermakna dan mengembirakan keluarga terpilih menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Pembinaan rumah itu berdasarkan rekaan USIM itu mengambil masa yang singkat kerana menggunakan kaedah pasang siap. Selain itu, ia berkonsepkan modular sistem dan bahan binaan yang digunakan daripada bahan kitar semula dan bercirikan mesra alam.

Reka bentuk rumah ini juga unik kerana memenuhi prinsip seni bina Islam seperti pintu masuk utama menghadap kiblat dan ruang dapur yang terlindung.

Tesco mengadakan pelancaran rasmi model rumah Projek Shelter hasil kreativiti arkitek muda ini dalam Majlis Minum Petang Penghargaan Bantuan Banjir Tescoada Mac baru-baru ini.

Majlis itu disusuli dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara USIM dan Tesco pada 14 April bertempat di Majestic Hotel, Kuala Lumpur yang disaksikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Tesco Malaysia, Datuk George Fischer berkata, kos pembinaan dan



MODEL Rumah Patuh Syariah USIM untuk Projek Shelter TESCO.

kelengkapan rumah itu menggunakan sumbangan tunai yang dikumpul melalui 52 buah pasar raya Tesco di seluruh Malaysia termasuk sumbangan pembekal, rakan perniagaan dan dana TescoMalaysia serta Tesco Plc. United Kingdom.

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kerjasama antara USIM dan Tesco ini merupakan satu peluang yang signifikan bagi kedua-dua pihak meneroka bentuk kerjasama lain selepas ini memandangkan

ini adalah julung kali USIM menjalankan kerjasama dalam Projek Shelter bersama syarikat gergasi seperti Tesco.

"Jalinan USIM-Tesco ini selari dengan hasrat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang mahu melihat kerjasama kepakaran di antara universiti dan industri ditingkatkan melalui pemerkasaan bidang penyelidikan dan pengkomersialan.

"Projek Shelter ini merupakan permulaan yang baik bagi program Seni Bina USIM khususnya kerana ia selari dalam mengangkat niche (kebitaraan) USIM iaitu menjadi Universiti yang menerajui integrasi ilmu Naqli dan Aqli," ujarnya.

Model rumah yang dihasilkan ini mendapat bimbingan daripada Ar. Fadli Arabi, Ar. Elina Mohd Husini dan Ar. Wan Norisma Wan Ismail yang merupakan pensyarah program Seni Bina di FST.

Pemilihan model rumah ini secara tidak langsung merupakan satu pengiktirafan kepada kemampuan arkitek muda USIM menghasilkan sesuatu yang menepati cita rasa industri.